

09/10/2003

Dr Mahathir diminta bantu negara Islam lepas bersara

Nurul Hazren Masitom

KUALA LUMPUR: Presiden Philadelphia University, Jordan, Prof Adnan Badran mencadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara akhir bulan ini, memperuntukkan dua hingga tiga tahun akan datang untuk berkongsi pengalamannya dengan negara Islam lain.

Beliau berkata, pengalaman Dr Mahathir sebagai pemimpin yang mengharumkan nama Malaysia dalam dunia Islam dapat dijadikan contoh untuk memajukan ummah di seluruh dunia.

"Malaysia bertuah mempunyai pemimpin seperti Dr Mahathir tetapi beliau akan bersara selepas persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berakhir.

"Saya berharap beliau dapat menggunakan cuti antara dua hingga tiga tahun atau lebih selepas ini untuk berkongsi pengetahuan dan pengalamannya sepanjang menjadi pemimpin sebuah negara Islam," katanya pada Persidangan Sains dan Teknologi OIC, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan kertas kerja bertajuk 'Memperkuhkan Kapasiti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Untuk Pembangunan Industri di Negara Islam: Rantau Arab'.

Prof Adnan berkata, pelaksanaan S&T di negara Arab untuk masa depan rakyatnya dikawal oleh pembuat dasar politik.

"Malah, sains tidak disenaraikan dalam agenda utama di kalangan negara Arab sedangkan untuk maju dalam k-ekonomi, pembangunan kapasiti dalam sains menjadi penting lebih-lebih lagi sebagai rakan aktif dalam ekonomi global, malangnya penunjuk sains dalam rantau Arab tidak begitu memberangsangkan," katanya.

Katanya, ketika perbelanjaan dunia dalam R&D mencecah AS\$522 bilion atau 1.7 peratus daripada pertumbuhan kadar produk domestik (GDP) dunia, negara G-7 menyumbang 87 peratus R&D dunia; Amerika Syarikat (39 peratus), Jepun (22 peratus), tetapi negara Arab hanya 0.2 peratus.

Katanya, walaupun ada peningkatan dalam perbelanjaan R&D oleh negara Arab daripada AS\$782 juta pada 1996 kepada AS\$1.1 bilion pada 2001, ia hanya 0.18 peratus Keluaran Negara Kasar (KNK) berbanding 1.7 peratus oleh Austria; Denmark (2.0 peratus); Amerika (2.5 peratus) serta Jepun dan Korea Selatan (2.7 peratus), kerana 7.1 peratus dibelanjakan untuk pertahanan, lebih banyak daripada pendidikan, kesihatan dan penyelidikan gabungan.

Justeru, katanya, negara Arab perlu mengubah persepsi itu dengan menekankan pendidikan berkualiti yang relevan dengan permintaan pasaran seperti teknologi maklumat dan komunikasi.

"Pendidikan S&T perlu bermula seawal usia tiga tahun dan ke atas dengan ibu bapa menekankan kepentingan subjek Matematik dan Sains Hayat bagi menggalakkan anak-anak berfikir logik," katanya.

Selain itu, disiplin dan etika juga penting dan perlu ada untuk memupuk semangat bekerjasama berbanding sikap individualistik yang biasanya wujud di kalangan masyarakat Arab.